

27 APR 1996

Sabbaruddin-Matlamat

MATLAMAT BARU 12.5 JUTA PELANCONG BAGI TAHUN 2000

PELABUHAN KLANG, 27 April (Bernama) -- Kejayaan mencapai matlamat bilangan pelancong dan tukaran wang asing tahun 2000 enam tahun lebih awal mendorong kerajaan menetapkan matlamat baru sektor pelancongan untuk tahun 2000, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik.

Beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberikan penjelasan mengenai matlamat baru itu ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh pada 6 Mei ini.

Sabbaruddin berkata jumlah ketibaan pelancong sebanyak 7.2 juta orang yang membawa tukaran wang asing sebanyak RM9,000 juta pada 1994 melebihi sasaran RM8,300 juta tukaran wang asing dalam dasar pelancongan negara bagi tahun 2000.

"Matlamat baru bagi tahun 2000 ialah ketibaan pelancong seramai 12.5 juta orang dengan tukaran wang asing sebanyak RM15,200 juta yang akan dijelaskan oleh Perdana Menteri dalam Rancangan Malaysia Ketujuh," katanya di atas kapal pelancongan mewah Silver Cloud di sini, hari ini.

Beliau berada di atas kapal berharga AS\$150 juta itu yang berlabuh di Labuhan Star Cruise di Pulau Indah dekat sini untuk merasmikan syarikat pelancongan Fame Equatorial Sdn Bhd yang merupakan usahasama pertama Britain-Malaysia dalam bidang pelancongan.

Sabbaruddin berkata pada tahun ini diharapkan jumlah ketibaan pelancong asing meningkat kepada 8.6 juta orang berbanding 7.5 juta orang pada tahun 1995 dan pendapatan daripada tukaran wang asing sebanyak RM10,300 juta berbanding RM9,200 juta pada 1995.

Semua agensi pelancongan hendaklah meningkatkan prestasi masing-masing untuk menempuh cabaran masa depan dalam membantu usaha kerajaan mempertingkatkan lagi industri pelancongan, katanya.

"Sesuai dengan hakikat ini, agensi-agensi pelancongan mestilah lebih kreatif dalam menyediakan pelbagai pakej pelancongan dengan melihatnya daripada aspek yang lebih luas supaya lebih menarik dan bermutu tinggi," katanya.

Beliau mengingatkan agensi-agensi pelancongan supaya sentiasa memenuhi janji kepada pelancong yang dibuat dalam pakej yang ditawarkan untuk menjaga nama baik industri itu dan juga negara dalam jangka panjang.

Beliau mengalu-alukan penubuhan syarikat Fame Equatorial yang menurutnya merupakan usahasama pertama sekumpulan pelabur British dengan syarikat Malaysia, iaitu syarikat Bumiputera pertama seumpamanya, untuk memajukan industri pelancongan. -- BERNAMA

MNY PR